

BUKU PANDUAN
KHIDMAT
KEJURUBAHASAAN



Buku Panduan Khidmat Kejurubahasaan

“Buku Panduan Khidmat Kejurubahasaan” ini bertujuan untuk membantu para pihak wakil diri dan peguam yang memerlukan khidmat kejurubahasaan dalam prosiding mahkamah agar mereka lebih memahami prosedur apabila memohon khidmat kejurubahasaan di Mahkamah Agung.

Diterbitkan pada Mei 2019 dan dikemaskini pada Ogos 2023 oleh Bahagian Jurubahasa. Maklumat yang terkandung di sini adalah benar dan tepat pada masa ia diterbitkan. Maklumat proses terkini mungkin tidak tertera di sini. Para pihak dinasihatkan supaya merujuk pada l laman Mahkamah Singapura untuk mendapatkan maklumat terkini atau mengesahkan prosedur-prosedur melalui Bahagian Jurubahasa (sila lihat muka surat 11 untuk butiran perhubungan).



BUKU PANDUAN KHIDMAT KEJURUBAHASAAN

KANDUNGAN

I. PENGENALAN	2
II. GAMBARAN KESELURUHAN PROSEDUR PERMOHONAN BAGI PIHAK YANG TIDAK BERBAHASA INGGERIS	4
III. KES-KES JENAYAH	5
A. Cara memohon khidmat Jurubahasa bagi Kes-Kes Jenayah	5
IV. KES-KES SIVIL	6
A. Cara memohon khidmat Jurubahasa Mahkamah Agung bagi Kes-Kes Sivil	6
B. Cara menggunakan khidmat Jurubahasa Persendirian bagi Kes-Kes Sivil	9
V. TIP KEJURUBAHASAAN YANG BERKESAN	10
VI. BUTIRAN PERHUBUNGAN	11
VII. BORANG-BORANG	12
LAMPIRAN 1 - SUMPAN JAWATAN JURUBAHASA	12

I. PENGENALAN

1. Mahkamah Agung (“Mahkamah”) mendengar kes-kes dalam Bahasa Inggeris. Bagi memastikan kes-kes didengar dengan adil, Mahkamah menyediakan khidmat kejurubahasaan dalam bahasa dan dialek yang tertera di bawah berdasarkan permohonan yang dibuat (boleh dikenakan bayaran):

Bahasa dan dialek yang disediakan oleh Jurubahasa Mahkamah Agung

Bahasa dan dialek Cina

Mandarin
Hokkien
Teochew
Cantonese



Bahasa dan dialek Melayu

Melayu
Jawa
Boyan



Bahasa India Tamil



2. Untuk kes-kes jenayah, khidmat jurubahasa (tanpa mengira bahasa) akan disediakan oleh Mahkamah Agung tanpa dikenakan bayaran. Untuk kes-kes sivil, jika anda tidak berbahasa Inggeris atau salah satu bahasa dan dialek di atas, anda akan memerlukan khidmat jurubahasa persendirian (boleh dikenakan bayaran).
3. Tugas jurubahasa adalah untuk memastikan komunikasi yang berkesan di antara peguam, hakim dan semua pihak. Oleh itu, mereka dikehendaki menterjemah dengan tepat dan tanpa berat sebelah.
4. Jurubahasa boleh menggunakan salah satu daripada tiga cara terjemahan bawah ini, bergantung pada keperluan situasi:

Terjemahan Serentak

- Jurubahasa menterjemah hampir serentak dengan orang yang bertutur.
- Digunakan ketika menterjemah penghakiman yang disampaikan Mahkamah atau penghujahan para peguam.



Terjemahan Berturutan

- Jurubahasa menulis nota dan akan hanya menterjemah apabila orang yang bertutur berhenti seketika atau selesai.
- Digunakan apabila saksi memberi keterangan dari kantung saksi.




Terjemahan Pandangan

- Jurubahasa membaca dalam sesebuah bahasa kemudian menterjemah ke bahasa lain.
- Digunakan ketika menterjemah dokumen seperti affidavit dan bukti-bukti.



II. GAMBARAN KESELURUHAN PROSEDUR PERMOHONAN BAGI PIHAK YANG TIDAK BERBAHASA INGGERIS



III. KES-KES JENAYAH

A. Cara Memohon Khidmat Jurubahasa Bagi Kes-kes Jenayah

1. Semua khidmat kejurubahasaan (tanpa mengira bahasa) bagi kes-kes jenayah disediakan oleh Mahkamah Agung secara **percuma**. Jika anda memerlukan jurubahasa bagi kes jenayah, sila ikut prosedur di bawah ini.

Bagaimana Saya Memfailkan?

Anda boleh membuat permohonan anda kepada Direktorat Undang-Undang Mahkamah Agung dan hantarkan melalui peguam anda. Jikalau anda tidak diwakili peguam, anda boleh menghantarnya sendiri kepada bahagian yang sama. Kalau anda berada dalam tahanan, anda boleh menghantarnya menerusi Khidmat Penjara Singapura.

Bila Saya Memfailkan?

Failkan permohonan bertulis **sekurang-kurangnya tujuh hari kerja** sebelum tarikh perbincaraan anda.

Apa Yang Harus Saya Buat Jika..?

Jika anda memerlukan khidmat jurubahasa untuk perbincaraan lanjut bagi kes yang sama, anda tidak perlu failkan permohonan baru. Jurubahasa akan mencatat tarikh perbincaraan selanjutnya.

IV. KES-KES SIVIL

A. Cara Memohon Khidmat Jurubahasa Mahkamah Agung Bagi Kes-Kes Sivil

1. Jika anda terlibat dalam kes sivil dan anda memerlukan khidmat jurubahasa dalam salah satu bahasa atau dialek yang disediakan oleh mahkamah, sila ikut prosedur yang tertera di bawah ini.

Bagaimana Saya Memfailkan?


Bagi peguam, sila failkan Permohonan untuk Sokongan Pentadbiran Perbicaraan menerusi eLitigation.

Jikalau anda tidak diwakili peguam, sila failkan permohonan anda melalui **lelaman Mahkamah Singapura** atau Biro Perkhidmatan (lihat muka surat 11 untuk butiran perhubungan).



Bila Saya Memfailkan?

Failkan permohonan **sekurang-kurangnya tujuh hari kerja** sebelum tarikh perbicaraan.




Apa Yang Harus Saya Buat Jika..?

Jika anda tidak mendapat sebarang jawapan dari mahkamah atau anda menghadapi masalah memfailkan borang, **anda hendaklah menghubungi Bahagian Jurubahasa** melalui e-mel atau telefon.

Jika anda memerlukan khidmat jurubahasa untuk perbicaraan lanjut bagi kes yang sama, anda **perlu failkan permohonan baru**.

Jika kes selesai sebelum perbicaraan atau ada perubahan pada terikh, sila **beritahu Bahagian Jurubahasa** (lihat muka surat 11 untuk butiran perhubungan).




Adakah khidmat Jurubahasa Mahkamah akan diberikan kepada saya?

- Khidmat kejurubahasaan yang disediakan oleh jurubahasa mahkamah adalah berdasarkan ketersediaan jurubahasa yang sesuai pada hari khidmat mereka diperlukan. Anda akan diberikan jawapan tentang permohonan anda dalam masa tiga hari kerja setelah permohonan anda diterima. Sila dapatkan jurubahasa persendirian untuk membantu sekiranya tiada khidmat jurubahasa mahkamah.
- Jika anda tidak diwakili peguam dan anda memerlukan khidmat jurubahasa dalam salah satu bahasa dan dialek yang disediakan oleh mahkamah, anda boleh memohon khidmat jurubahasa untuk membantu anda memahami apa yang dinyatakan (bayaran dikenakan dalam perbicaraan mahkamah terbuka).
- Walau bagaimanapun, sekiranya anda diwakili peguam, anda boleh memohon khidmat jurubahasa **hanya jikalau** anda dikehendaki untuk memberi keterangan di kandang saksi. Jikalau anda perlukan jurubahasa sepanjang perbicaraan untuk memahami kes anda, anda harus dapatkan jurubahasa persendirian.



Bayaran Khidmat Kejurubahasaan

- Bayaran sebanyak \$300 sehari atau sebahagian hari boleh dikenakan sekiranya anda memerlukan khidmat jurubahasa mahkamah untuk sebarang perbicaraan mahkamah terbuka. Tiada bayaran bagi khidmat kejurubahasaan dikenakan untuk perbicaraan dalam kamar.
- Sebarang bayaran khidmat kejurubahasaan, jika dikenakan, harus dibuat selepas permohonan diluluskan. Sekiranya anda gagal untuk membuat bayaran sekurang-kurangnya 2 hari kerja penuh sebelum hari khidmat jurubahasa diperlukan (“hari yang terjadual”), permohonan akan dibatalkan dan tiada jurubahasa akan diberikan.
- Sekiranya anda tidak dapat membuat bayaran khidmat kejurubahasaan kerana masalah kewangan, anda boleh memohon kepada Pendaftar untuk menyetepikan atau menangguhkan pembayaran dan nyatakan sebab-sebabnya. Permohonan untuk menyetepikan atau menangguh pembayaran mesti difailkan bersama dengan dokumen-dokumen sokongan melalui “eLitigation” sekurang-kurangnya 3 hari kerja sebelum hari yang terjadual. Semua permohonan untuk menyetepikan atau menangguh pembayaran bergantung pada kelulusan Pendaftar.



Sekiranya permohonan anda untuk menyetepikan atau menangguh pembayaran tidak dibenarkan oleh Pendaftar dan pembayaran belum lagi dibuat, tiada jurubahasa akan disediakan pada hari yang dijadualkan.

Pembatalan Permohonan

- Sekiranya anda tidak memerlukan khidmat jurubahasa mahkamah pada hari-hari yang dijadualkan, anda harus memberitahu Ketua Jurubahasa melalui permohonan pembatalan bertulis **sekurang-kurangnya satu hari kerja** sebelum hari yang dijadualkan. Jika anda tidak berbuat demikian, sebarang pembayaran yang dibuat mungkin tidak akan dikembalikan.

Sebagai contoh, jikalau anda membuat permohonan bagi khidmat jurubahasa untuk hari Rabu dan ingin membatalkan permohonan itu, notis pembatalan bertulis mesti diberikan kepada Ketua Jurubahasa selewat-lewatnya pada penghujung hari Isnin (mengambil kira hari Selasa sebagai satu hari kerja penuh). Bayaran yang dibuat mungkin tidak akan dikembalikan jikalau anda gagal untuk berbuat demikian.




Pengembalian Bayaran Jurubahasa

- Sekiranya anda meminta bayaran dikembalikan, Permohonan Pengembalian Bayaran Jurubahasa hendaklah dihantar kepada Pendaftar melalui “eLitigation” seurus selepas anda memberi notis pembatalan bertulis kepada Ketua Jurubahasa. Sebarang permohonan selepas satu bulan dari tarikh sebab mengapa pengembalian itu dibuat, tidak akan dilayan.



B. Cara Menggunakan Khidmat Jurubahasa Persendirian Bagi Kes-kes Sivil

1. Jika anda terlibat dalam kes sivil dan anda memerlukan khidmat jurubahasa yang bertutur bahasa atau dialek yang tidak disediakan oleh Mahkamah, atau anda ingin mendapatkan jurubahasa persendirian atau tiada jurubahasa mahkamah yang sesuai, anda harus dapatkan khidmat jurubahasa itu sendiri. Sila ikut prosedur yang tertera di bawah ini.



V. TIP TERJEMAHAN YANG BERKESAN



APABILA MENJAWAB SOALAN DI KANDANG SAKSI:

- Sila bercakap dengan jelas dan gunakan ayat yang mudah.
- Harap jangan mencelah ketika jurubahasa sedang menterjemah.
- Harap jangan meminta nasihat undang-undang atau pendapat peribadi jurubahasa.
- Jika anda perlukan sesuatu soalan atau komen diulang, sila minta izin daripada hakim dan bukan jurubahasa.
- Jika anda mempunyai masalah berkomunikasi atau memahami jurubahasa, sila beritahu mahkamah melalui Pegawai Mahkamah.

VI. BUTIRAN PERHUBUNGAN

MAHKAMAH AGUNG SINGAPURA

1 Supreme Court Lane, Singapore 178879
www.judiciary.gov.sg
Tel: 1800 338 1034

BAHAGIAN JURUBAHASA

Waktu Operasi:
Isnin - Khamis: 8:30 pagi hingga 1:00 tengahari dan 2:00 petang hingga 5:30 petang;
Jumaat: 8:30 pagi hingga 1:00 tengahari dan 2:00 petang hingga 5:00 petang
Sabtu dan Ahad: Tutup

Tel: 6557 7637 (Cina), 6332 3970 (Melayu), 6332 3930 (India)
Emel: Supct_Head_Interpreter@judiciary.gov.sg

PERKHIDMATAN PEMFAILAN ELEKTRONIK (ELITIGATION)

Biro Perkhidmatan LawNet & CrimsonLogic
Tingkat 1, Mahkamah Agung

Waktu Operasi:
Isnin - Jumaat: 8:30 pagi hingga 12:30 tengahari dan 2:00 petang hingga 5:00 petang

Tel: 6337 9164
Faks: 6337 9980
Emel: supremesb@crimsonlogic.com.sg



APABILA BERTANYA SOALAN:

- Sila tanyakan soalan yang pendek dan mudah.
- Harap jangan mencelah apabila jurubahasa sedang menterjemah. Beri jurubahasa masa untuk selesai menterjemah untuk rekod Mahkamah.
- Sila tanyakan soalan kepada pihak yang berada di kandang saksi secara langsung dan bukan kepada jurubahasa.

VII. BORANG-BORANG

LAMPIRAN 1 - SUMPAH JAWATAN JURUBAHASA

OATH OF OFFICE OF AN INTERPRETER

I, _____
having been appointed an interpreter in the _____ in Case No.
_____ do solemnly *affirm / swear that I will
faithfully interpret, translate and transcribe from the _____
language into the English Language and from the English Language into the _____
_____ language to the best of my knowledge, skill and
ability without fear or favour, affection or ill-will.

Taken and subscribed before me at Singapore this

_____ day of _____ 20_____

(Signature of Interpreter)

(Officer Administering the Oath)

* delete as necessary